



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1443

AKTA PERUBATAN (PINDAAN) 2012

Tarikh Perkenan Diraja ... 5 September 2012

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... 20 September 2012

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1443

AKTA PERUBATAN (PINDAAN) 2012

Suatu Akta untuk meminda Akta Perubatan 1971.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perubatan (Pindaan) 2012.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan tajuk panjang

2. Akta Perubatan 1971 [*Akta 50*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dengan menggantikan tajuk panjang dengan tajuk panjang yang berikut:

“Suatu Akta bagi menyatukan dan meminda undang-undang yang berhubungan dengan pendaftaran pengamal perubatan, kawalan dan pengawalseliaan amalan perubatan, bagi membuat peruntukan tertentu berkenaan dengan tempoh perkhidmatan

dalam perkhidmatan awam selepas pendaftaran penuh sebagai pengamal perubatan; dan bagi membuat peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.”.

Pindaan seksyen 2

3. Seksyen 2 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam takrif “Daftar”, dengan memotong perkataan “yang dikehendaki disenggara”;
- (b) dengan memasukkan selepas takrif “ditetapkan” takrif yang berikut:
 - ‘ “Institut latihan yang diiktiraf” ertinya pemberi pendidikan tinggi sebagai yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [Akta 679] bagi tujuan pendaftaran di bawah seksyen 4 Akta;’;
- (c) dengan memasukkan selepas takrif “Institut latihan yang diiktiraf” takrif yang berikut:
 - ‘ “kelayakan pakar yang diiktiraf” ertinya kelayakan yang dianugerahkan oleh mana-mana institut latihan yang diiktiraf;’;
- (d) dengan memasukkan selepas takrif “kelulusan” takrif yang berikut:
 - ‘ “kemudahan jagaan kesihatan” ertinya mana-mana premis yang dalamnya seorang atau lebih daripada seorang orang awam menerima perkhidmatan jagaan kesihatan;’;
- (e) dengan memasukkan selepas takrif “kemudahan jagaan kesihatan” takrif yang berikut:
 - ‘ “Ketua Pegawai Eksekutif” ertinya Ketua Pegawai Eksekutif Majlis yang dilantik di bawah seksyen 4c yang hendaklah bertindak sebagai Setiausaha Majlis;’;
- (f) dengan memasukkan selepas takrif “Ketua Pengarah” takrif yang berikut:
 - ‘ “Kumpulan Wang” ertinya Kumpulan Wang Majlis Perubatan Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 4H;’;

- (g) dengan memasukkan selepas takrif “Kumpulan Wang” takrif yang berikut:

‘ “latihan *houseman*” ertinya tempoh latihan dalam pengamalan perubatan tetap bagi maksud pendaftaran penuh sebagai pengamal perubatan;’;

- (h) dengan memasukkan selepas takrif “Majlis” takrif yang berikut:

‘ “Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggung jawab bagi kesihatan;’;

- (i) dengan memasukkan sebelum takrif “Pendaftar” takrif yang berikut:

‘ “Pakar” ertinya seseorang pengamal perubatan berdaftar penuh di bawah seksyen 14c;’;

- (j) dengan memotong takrif “pengamal”;

- (k) dengan memasukkan selepas takrif “Pendaftar” takrif yang berikut:

‘ “pengamal perubatan berdaftar” ertinya seseorang pengamal perubatan yang kepadanya dikeluarkan perakuan pendaftaran sementara di bawah seksyen 12 atau pendaftaran penuh di bawah seksyen 14;’;

- (l) dengan memasukkan selepas takrif “pengamal perubatan berdaftar” takrif yang berikut:

‘ “pengamal perubatan berdaftar penuh” ertinya seseorang pengamal perubatan yang perakuan pendaftaran penuh dikeluarkan kepadanya di bawah seksyen 14;’;

- (m) dengan memasukkan selepas takrif “pengamal perubatan berdaftar penuh” takrif yang berikut:

‘ “pengamal perubatan berdaftar sementara” ertinya seseorang pengamal perubatan yang dikeluarkan perakuan pendaftaran sementara kepadanya di bawah seksyen 12;’;

- (n) dengan memasukkan selepas takrif “pengamal perubatan berdaftar sementara” takrif yang berikut:
- ‘ “perakuan” ertinya sama ada perakuan pendaftaran sementara, perakuan pendaftaran penuh, perakuan pendaftaran sebagai seorang pakar, perakuan pengamalan, perakuan pengamalan sementara atau apa-apa perakuan lain yang ditentukan oleh Majlis dari semasa ke semasa dan dikeluarkan di bawah Akta ini;’;
- (o) dalam takrif “perakuan pengamalan”, dengan menggantikan perkataan “yang disebut dalam” dengan perkataan “yang dikeluarkan di bawah”;
- (p) dengan memasukkan selepas takrif “perakuan pengamalan” takrif yang berikut:
- ‘ “perakuan pengamalan sementara” ertinya perakuan pengamalan sementara yang dikeluarkan di bawah seksyen 16;’;
- (q) dengan memasukkan selepas takrif “perkhidmatan awam” takrif yang berikut:
- ‘ “Perlindungan Tanggung Rugi Profesional” ertinya suatu jaminan kewangan bagi seseorang pengamal perubatan berdaftar dalam tindakan liabiliti profesional;’;
- (r) dengan memasukkan selepas takrif “Perlindungan Tanggung Rugi Profesional” takrif yang berikut:
- ‘ “perubatan tradisional dan komplementari” ertinya suatu bentuk amalan dengan berkaitan kesihatan yang disediakan untuk mencegah, merawat atau mengurus penyakit atau mengekalkan kesejahteraan mental dan fizikal individu dan termasuklah amalan seperti perubatan tradisional Melayu, perubatan tradisional Cina, perubatan tradisional India, homeopati, dan terapi komplementari, tetapi tidak termasuk amalan perubatan atau pergigian yang digunakan oleh pengamal perubatan atau pergigian;’;
- (s) dengan memotong takrif “Setiausaha”; dan
- (t) dalam takrif “Yang Dipertua”, dengan memotong perkataan “yang dilantik mengikut subperenggan 1(1) dalam Jadual Pertama”.

Penggantian seksyen 3

4. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 3 dengan seksyen yang berikut:

“Penubuhan Majlis

3. (1) Suatu pertubuhan perbadanan dengan nama “Majlis Perubatan Malaysia” ditubuhkan.

(2) Majlis hendaklah kekal turun temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan.

(3) Majlis boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas nama perbadanannya.

(4) Tertakluk kepada dan bagi maksud Akta ini dan atas apa-apa terma yang difikirkannya patut, Majlis boleh—

- (a) membuat kontrak;
- (b) memperoleh, membeli, mengambil, memajakkan, memegang, menjual dan menikmati setiap jenis harta alih dan tak alih; dan
- (c) memindahkan, menyerahkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadaikan, mendemiskan, menyerahkan semula, memindahkan hak-milik, atau selainnya melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai, apa-apa harta alih atau harta tak alih, yang terletak hak pada Majlis.”.

Seksyen baru 3A, 3B, 3C, 3D, 3E, 3F dan 3G

5. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 3 seksyen yang berikut:

“Keanggotaan Majlis

3A. (1) Majlis hendaklah terdiri daripada ahli yang berikut:

- (a) Ketua Pengarah yang hendaklah menjadi Yang Dipertua;

- (b) sembilan orang pengamal perubatan berdaftar penuh dari kalangan wakil universiti dan kolej universiti tempatan yang diiktiraf yang dinamakan dari kalangan ahli fakulti oleh badan pengelola universiti dan kolej universiti tempatan yang diiktiraf dan dilantik oleh Menteri;
- (c) tiga orang pengamal perubatan berdaftar penuh daripada sektor swasta yang dinamakan oleh Majlis dan dilantik oleh Menteri;
- (d) tiga orang pengamal perubatan berdaftar penuh daripada perkhidmatan awam yang dinamakan oleh Ketua Pengarah dan dilantik oleh Menteri;
- (e) lima belas orang pengamal perubatan berdaftar penuh yang bermastautin di Semenanjung Malaysia yang hendaklah dipilih oleh pengamal perubatan berdaftar penuh yang bermastautin di Semenanjung Malaysia;
- (f) seorang pengamal perubatan berdaftar penuh yang bermastautin di Sabah yang hendaklah dipilih oleh pengamal-pengamal perubatan berdaftar penuh yang bermastautin di Sabah; dan
- (g) seorang pengamal perubatan berdaftar penuh yang bermastautin di Sarawak yang hendaklah dipilih oleh pengamal-pengamal perubatan berdaftar penuh yang bermastautin di Sarawak.

(2) Tiada seorang pun boleh dilantik menjadi seorang ahli di bawah perenggan (1)(b), (c) atau (d) atau dipilih menjadi seorang ahli di bawah perenggan (1)(e), (f) atau (g) melainkan jika orang itu ialah seorang warganegara Malaysia dan memegang suatu perakuan pengamalan yang semasa dan sah.

(3) Tiada seorang pun layak untuk memilih seseorang ahli di bawah perenggan (1)(e), (f) atau (g) melainkan jika orang itu ialah seorang warganegara Malaysia dan memegang suatu perakuan pengamalan yang semasa dan sah.

(4) Pemilihan ahli yang disebut dalam perenggan (1)(e), (f) dan (g) hendaklah dijalankan mengikut apa-apa cara yang ditetapkan.

(5) Tiada seorang pun boleh berkhidmat sebagai seorang ahli yang dilantik dan dipilih pada masa yang sama.

(6) Seseorang boleh dilantik sebagai ahli di bawah perenggan (1)(b), (c) atau (d) atau dipilih di bawah perenggan (1)(e), (f) atau (g) walaupun dahulunya dia telah menjadi seorang ahli di bawah perenggan (1)(b), (c), (d), (e), (f) atau (g).

(7) Bagi maksud seksyen ini, “bermastautin” merujuk kepada tempat amalan utama seperti yang dinyatakan dalam perakuan pengamalan yang semasa dan sah bagi pengamal perubatan itu.

Tempoh jawatan

3B. (1) Tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya, seseorang ahli Majlis yang dilantik di bawah perenggan 3A(1)(b), (c) atau (d) atau dipilih di bawah perenggan 3A(1)(e), (f) atau (g) hendaklah, melainkan jika dia meletakkan atau mengosongkan jawatannya terlebih dahulu atau pelantikannya terlebih dahulu dibatalkan, memegang jawatan selama suatu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun.

(2) Seseorang ahli Majlis yang dilantik di bawah perenggan 3A(1)(b), (c) atau (d) atau dipilih di bawah perenggan 3A(1)(e), (f) atau (g) adalah layak untuk dilantik semula atau dipilih semula.

Pembatalan dan peletakan jawatan

3C. (1) Pelantikan mana-mana ahli Majlis di bawah perenggan 3A(1)(b), (c) atau (d) boleh, pada bila-bila masa, dibatalkan oleh Menteri setelah berunding dengan Yang Dipertua.

(2) Seseorang ahli Majlis yang dilantik di bawah perenggan 3A(1)(b), (c) atau (d) atau yang dipilih di bawah perenggan 3A(1)(e), (f) atau (g) boleh meletakkan jawatannya pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada Yang Dipertua.

Pengosongan jawatan dan pengisian kekosongan

3D. (1) Jawatan seseorang ahli Majlis hendaklah menjadi kosong jika—

- (a) dia meninggal dunia;
- (b) telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan di Malaysia atau di mana-mana tempat pun atas suatu pertuduhan berkenaan dengan—
 - (i) suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak; atau
 - (ii) suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah; atau
 - (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda);
- (c) dia menjadi bankrap;
- (d) dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk menunaikan kewajibannya;
- (e) dia tidak menghadiri mesyuarat Majlis tiga kali berturut-turut atau sekiranya dia menghadiri kurang daripada lima puluh peratus mesyuarat dalam sesuatu tahun tanpa kebenaran Yang Dipertua;
- (f) namanya telah dipotong daripada Daftar atau telah disingkirkan daripada Daftar pengamal perubatan yang disenggarakan di mana-mana tempat di luar Malaysia;
- (g) peletakan jawatannya diterima oleh Yang Dipertua;
- (h) dia tidak lagi bermastautin dalam bahagian kawasan yang memilihnya; atau
- (i) pelantikannya dibatalkan oleh Menteri.

(2) Jika seseorang ahli Majlis yang dilantik di bawah perenggan 3A(1)(b), (c) atau (d) atau dipilih di bawah perenggan 3A(1)(e), (f) atau (g) meninggal dunia sebelum tamat tempoh jawatannya, atau meletakkan jawatannya, atau

dengan cara lain terhenti menjadi ahli oleh sebab mana-mana peruntukan Akta ini, seseorang hendaklah dilantik atau dipilih, mengikut mana-mana yang berkenaan, untuk menggantikan tempatnya menurut peruntukan yang terpakai dalam hal orang yang meninggal dunia atau meletakkan jawatan atau terhenti menjadi ahli bagi baki tempoh yang orang itu mungkin akan memegang jawatan jika dia tidak meninggal dunia atau meletakkan jawatan atau terhenti menjadi ahli.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), kekosongan jawatan mana-mana ahli yang dipilih di bawah perenggan 3A(1)(e), (f) atau (g) tidak boleh diisi bagi baki tempoh tersebut yang kematian, peletakan jawatan atau pemberhentian daripada menjadi ahli itu berlaku dalam tempoh dua belas bulan sebelum tarikh yang penggal jawatannya akan tamat secara luput masa.

(4) Majlis tidak terhalang daripada melaksanakan mana-mana fungsi dan kuasanya di bawah Akta ini oleh sebab apa-apa kekosongan dalam keahliannya.

Kuasa Menteri untuk melantik ahli Majlis

3E. (1) Jika mana-mana badan atau orang yang disebut dalam perenggan 3A(1)(b), (c), (d), (e), (f) atau (g) tidak, pada tarikh yang ditetapkan, menamakan atau memilih, mengikut mana-mana yang berkenaan, seseorang untuk menjadi ahli Majlis, Menteri hendaklah melantik sebagai ganti orang itu seseorang yang berkeelayakan untuk dinamakan atau dipilih sebagai ahli, dan mana-mana orang yang dilantik sedemikian hendaklah disifatkan sebagai menjadi ahli seolah-olah dia telah dinamakan atau dipilih dengan sewajarnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, oleh badan atau orang itu.

(2) Apabila Akta ini mula berkuat kuasa dan sehingga masa apabila ahli yang disebut dalam perenggan 3A(1)(b), (c), (d), (e), (f), dan (g) dinamakan atau dipilih, mengikut mana-mana yang berkenaan, Menteri hendaklah melantik sebagai ganti mereka masing-masing mana-mana orang yang berkeelayakan untuk dilantik atau dipilih dan orang yang dilantik sedemikian hendaklah disifatkan sebagai ahli seolah-olah dia telah dilantik atau dipilih dengan sewajarnya di bawah perenggan 3A(1)(b), (c), (d), (e), (f) dan (g).

Hilang kelayakan bagi pencalonan dan pelantikan atau pemilihan

3F. (1) Seseorang pengamal perubatan berdaftar penuh tidak layak untuk dinamakan, dilantik atau dipilih menjadi ahli di bawah perenggan 3A(1)(b), (c), (d), (e), (f) atau (g) jika—

- (a) dia telah didapati bersalah oleh suatu mahkamah atas apa-apa kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak, atau apa-apa kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan denda kepada atau sebagai ganti denda); atau
- (b) dia menjadi bankrap; atau
- (c) pada bila-bila masa namanya telah dipotong daripada Daftar atau telah disingkirkan daripada Daftar pengamal perubatan yang disenggarakan di mana-mana tempat di luar Malaysia.

(2) Seseorang pengamal perubatan berdaftar penuh yang namanya telah digantung dari Daftar, atau yang telah dikenakan celaan di bawah seksyen 30 adalah tidak layak untuk dinamakan, dilantik atau dipilih, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah perenggan 3A(1)(b), (c), (d), (e), (f) atau (g)—

- (a) dalam hal sesuatu penggantungan, untuk suatu tempoh enam tahun selepas tamat penggantungan sedemikian; atau
- (b) dalam hal sesuatu celaan, untuk suatu tempoh enam tahun dari tarikh celaan sedemikian dikenakan.

(3) Jika seseorang ahli yang telah dicalonkan dan dilantik atau dipilih di bawah Akta ini tidak layak dicalonkan dan dilantik atau dipilih di bawah Akta ini, dia hendaklah disifatkan sebagai telah mengosongkan kedudukannya.

Penggantungan ahli Majlis

3G. (1) Jika Majlis dalam menjalankan bidang kuasa tatatertibnya di bawah Akta ini—

- (a) melantik suatu jawatankuasa bagi menjalankan penyiasatan permulaan; atau

(b) mengadakan siasatan tatatertib,

berkenaan dengan seseorang pengamal perubatan berdaftar penuh yang menjadi ahli Majlis, ahli itu hendaklah digantung keahliannya dalam Majlis.

(2) Penggantungan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah—

(a) dalam hal suatu penyiasatan permulaan, berkuat kuasa dari tarikh bermulanya penyiasatan itu; atau

(b) dalam hal suatu siasatan tatatertib, berkuat kuasa dari tarikh bermulanya siasatan itu.

(3) Jika apabila tamatnya sesuatu penyiasatan permulaan itu Majlis memutuskan bahawa suatu siasatan tatatertib hendaklah diadakan, tempoh penggantungan seseorang ahli hendaklah diteruskan sehingga tamat siasatan tatatertib itu.

(4) Seseorang ahli Majlis yang digantung di bawah subseksyen (1) hendaklah dengan segera dikembalikan semula kedudukannya sebagai ahli jika apabila tamat penyiasatan permulaan atau siasatan tatatertib itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, Majlis mendapati bahawa tiada apa-apa kesalahan telah dibuktikan berkenaan dengan ahli itu.

(5) Seseorang ahli Majlis yang hendak dikembalikan semula kedudukannya menurut subseksyen (4) hendaklah, jika pengembalian semula kedudukannya itu akan berkuat kuasa sebelum tamat tempoh jawatannya, dikembalikan semula kedudukan untuk memegang jawatan bagi tempoh jawatannya yang belum tamat.”.

Penggantian seksyen 4

6. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 4 dengan seksyen yang berikut:

“Fungsi Majlis

4. Majlis hendaklah mempunyai fungsi seperti yang berikut:

(a) mendaftar pengamal perubatan; dan

(b) mengawal selia amalan perubatan.”.

Seksyen baru 4A, 4B, 4C, 4D, 4E, 4F, 4G, 4H, 4I dan 4J

7. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 4 seksyen yang berikut:

“Kuasa Majlis

4A. (1) Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan semua benda yang perlu atau suai manfaat atau semunasabahnya perlu bagi atau yang bersampingan dengan penjalanan fungsi-fungsinya di bawah Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), kuasa Majlis termasuklah kuasa untuk—

- (a) memastikan peruntukan Akta ini dan peraturan-peraturannya ditadbirkan, dikuatkuasakan, dilaksanakan, dijalankan dan dipatuhi;
- (b) mengawal selia standard amalan pengamal perubatan berdaftar;
- (c) mengawal selia tatakelakuan dan etika profesional pengamal perubatan berdaftar;
- (d) meluluskan atau menolak apa-apa permohonan bagi pendaftaran atau pemerakuan mengikut Akta ini atau peraturan-peraturannya;
- (e) menentukan apa-apa fi atau denda yang kena dibayar;
- (f) mengeluarkan perakuan;
- (g) meminjam atau menjana wang dari semasa ke semasa melalui overdraf bank atau dengan cara lain bagi apa-apa maksud yang dinyatakan dalam seksyen ini; dan
- (h) mengiktiraf dan mengakreditasi kelayakan perubatan berdasarkan syor Jawatankuasa Teknikal Bersama yang ditubuhkan di bawah Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [*Akta 679*] bagi tujuan pendaftaran.

Pelantikan pekerja Majlis

4B. (1) Majlis boleh melantik atau menggaji apa-apa bilangan pekerja yang difikirkan perlu oleh Majlis, yang hendaklah dibayar apa-apa saraan, elaun dan faedah, dan yang pelantikan atau penggajiannya hendaklah atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkan sesuai oleh Majlis bagi menjalankan maksud Akta ini.

(2) Tiada seorang pun layak dilantik atau digaji sebagai pekerja Majlis jika dia, secara langsung atau tidak langsung, sendiri atau melalui rakan kongsinya mempunyai apa-apa bahagian atau kepentingan dalam mana-mana kontrak atau kontrak yang dicadangkan dengan, untuk atau bagi pihak Majlis.

Ketua Pegawai Eksekutif

4c. (1) Yang Dipertua hendaklah, selepas berunding dengan Majlis, melantik seorang Ketua Pegawai Eksekutif.

(2) Majlis hendaklah meletakkan apa-apa kuasa pada dan mengenakan apa-apa kewajipan ke atas Ketua Pegawai Eksekutif sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

(3) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah menjadi Setiausaha Majlis dan bertanggungjawab bagi—

- (a) keseluruhan pentadbiran dan pengurusan fungsi dan hal ehwal harian Majlis;
- (b) pelaksanaan keputusan dan arahan Majlis;
- (c) pengurusan fungsi, program, pekerja dan sumber lain Majlis; dan
- (d) penyediaan pelan strategik dan bajet untuk pertimbangan Majlis.

(4) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah mempunyai kawalan am ke atas pekerja Majlis.

(5) Dalam menjalankan kewajipannya di bawah seksyen ini, Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah bertindak di bawah kuasa dan mengikut arahan am Majlis.

(6) Yang Dipertua, selepas berunding dengan Majlis, boleh melantik mana-mana pegawai Majlis untuk menjalankan tugas Ketua Pegawai Eksekutif—

- (a) jika bagi apa-apa tempoh Ketua Pegawai Eksekutif tidak berupaya, oleh sebab penyakit, bercuti atau apa-apa sebab lain, untuk menjalankan tugasnya; atau
- (b) semasa apa-apa tempoh kekosongan jawatan Ketua Pegawai Eksekutif.

Meterai perbadanan

4D. (1) Meterai perbadanan Majlis hendaklah mempunyai suatu peranti yang diluluskan oleh Majlis dan meterai itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis.

(2) Meterai perbadanan itu hendaklah disimpan dalam jagaan Ketua Pegawai Eksekutif atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Majlis dan hendaklah ditentukan sama ada oleh Ketua Pegawai Eksekutif atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Majlis secara bertulis.

(3) Segala surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai perbadanan itu dan ditentukan dengan sewajarnya hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, disifatkan telah disempurnakan dengan sah.

(4) Apa-apa surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang, jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan, tidak dikehendaki supaya dimeteraikan boleh disempurnakan mengikut cara yang serupa oleh Majlis atau seseorang pekerja Majlis yang diberi kuasa oleh Majlis bagi maksud itu.

(5) Meterai perbadanan Majlis hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

Jawatankuasa Majlis

4E. (1) Majlis boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk membantunya dalam melaksanakan fungsinya.

(2) Majlis boleh memilih mana-mana ahlinya untuk menjadi pengerusi sesuatu jawatankuasa.

(3) Majlis boleh melantik mana-mana orang untuk menjadi ahli sesuatu jawatankuasa.

(4) Kuorum bagi apa-apa jawatankuasa itu ialah tiga, melainkan ditentukan oleh Majlis selainnya.

(5) Seseorang ahli sesuatu jawatankuasa hendaklah memegang jawatan selama apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam surat pelantikannya dan layak untuk dilantik semula.

(6) Majlis boleh membatalkan pelantikan mana-mana ahli sesuatu jawatankuasa tanpa memberikan apa-apa sebab bagi pembatalan itu.

(7) Seseorang ahli sesuatu jawatankuasa boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatannya dengan memberikan notis secara bertulis kepada Yang Dipertua Majlis.

(8) Majlis boleh, pada bila-bila masa, memberhentikan atau mengubah keahlian sesuatu jawatankuasa.

(9) Sesuatu jawatankuasa hendaklah tertakluk kepada, dan bertindak mengikut, apa-apa arahan yang diberikan kepadanya oleh Majlis.

(10) Mesyuarat sesuatu jawatankuasa hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa itu.

(11) Sesuatu jawatankuasa hendaklah menyebabkan supaya—

(a) minit semua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya; dan

(b) salinan minit semua mesyuaratnya dikemukakan kepada Majlis secepat yang dapat dilaksanakan.

(12) Sesuatu jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuaratnya bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu.

(13) Ahli sesuatu jawatankuasa dan mana-mana orang yang diundang di bawah subseksyen (12) hendaklah dibayar apa-apa elaun dan belanja lain yang ditentukan oleh Majlis selepas berunding dengan Menteri.

Pewakilan fungsi dan kuasa Majlis

4F. (1) Majlis boleh, secara bertulis, mewakilkan mana-mana fungsi dan kuasanya, kecuali kuasa untuk membuat perundangan subsidiari, kepada—

- (a) Pengerusi;
- (b) seorang ahli Majlis; atau
- (c) suatu jawatankuasa.

(2) Mana-mana orang yang diwakilkan dengan fungsi dan kuasa itu adalah terikat untuk mematuhi dan mengambil kira segala syarat dan sekatan yang dikenakan oleh Majlis dan segala kehendak, tatacara dan perkara yang dinyatakan oleh Majlis.

(3) Mana-mana fungsi dan kuasa yang diwakilkan di bawah seksyen ini hendaklah dilaksanakan dan dijalankan atas nama dan bagi pihak Majlis.

(4) Pewakilan di bawah seksyen ini tidak menghalang Majlis daripada melaksanakan atau menjalankan sendiri mana-mana fungsi dan kuasa yang telah diwakilkan itu pada bila-bila masa.

Penzahiran kepentingan

4G. Seseorang ahli Majlis atau mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 4E yang mempunyai atau memperoleh suatu kepentingan langsung atau tidak langsung sama ada sendiri, menerusi anggota keluarganya atau menerusi sekutunya berhubung dengan apa-apa perkara yang sedang dibincangkan oleh Majlis atau jawatankuasa itu hendaklah menzahirkan kepada Majlis atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hakikat kepentingannya dan jenis kepentingan itu.

Kumpulan Wang Majlis Perubatan Malaysia

4H. (1) Suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai “Kumpulan Wang Majlis Perubatan Malaysia” yang hendaklah dikawal dan ditadbirkan oleh Majlis ditubuhkan.

(2) Kumpulan Wang hendaklah terdiri daripada—

- (a) apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan oleh Kerajaan bagi maksud Akta ini dari semasa ke semasa;
- (b) semua fi dan caj yang dikenakan oleh atau yang kena dibayar kepada Majlis mengikut Akta ini;
- (c) semua wang yang diperoleh daripada perkhidmatan yang diberikan oleh Majlis mengikut Akta ini;
- (d) semua wang yang diperoleh sebagai pendapatan daripada pelaburan yang dibuat oleh Majlis;
- (e) semua wang yang diperoleh daripada penjualan, pelupusan, pemajakan atau penyewaan, atau apa-apa urusan niaga lain mengenai, apa-apa harta, gadai janji, gadaian atau debentur yang terletak hak pada atau yang diperoleh oleh Majlis;
- (f) semua wang dan harta lain yang dengan apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada atau terletak hak pada Majlis berkenaan dengan apa-apa hal yang bersampingan dengan fungsi dan kuasanya; dan
- (g) semua wang lain yang diterima dengan sah oleh Majlis di bawah Akta ini, termasuk bunga.

Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang

41. Kumpulan Wang hendaklah dibelanjakan bagi maksud yang berikut:

- (a) membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan secara sah oleh Majlis;
- (b) membayar saraan, elaun dan perbelanjaan lain ahli Majlis, ahli jawatankuasa dan pekerja Majlis;
- (c) membayar apa-apa belanja, kos atau perbelanjaan berhubung dengan pemerolehan barang dan perkhidmatan, termasuk pengambilan perunding, fi dan kos guaman dan fi dan kos lain, yang dilakukan atau diterima dengan sah oleh Majlis dalam pelaksanaan fungsinya dan perjalanan kuasanya di bawah Akta ini; dan

- (d) secara amnya, membayar apa-apa belanja lain bagi melaksanakan peruntukan Akta ini.

Pemuliharaan Kumpulan Wang

4j. Menjadi kewajipan Majlis untuk memulihara Kumpulan Wang dengan melaksanakan fungsinya dan menjalankan kuasanya di bawah Akta ini dengan sedemikian cara supaya dapat dipastikan bahawa jumlah hasil Majlis mencukupi untuk membayar semua jumlah wang yang boleh dipertanggungjawabkan dengan sepatutnya pada akaun hasilnya, termasuk susut nilai dan bunga atas modal, dari setahun ke setahun.”.

Pindaan seksyen 9

8. Seksyen 9 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan “**Penyata**” perkataan “, **dsb.**”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “penyata” perkataan “, laporan, akaun”.

Pindaan seksyen 12

9. Seksyen 12 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1)—
- (i) dalam subperenggan (a)(i), dengan memasukkan selepas perkataan “dalam Jadual itu” perkataan “untuk suatu tempoh pengiktirafan yang hendaklah ditentukan oleh Majlis”;
- (ii) dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan (aa) dan memasukkan selepas perenggan itu perenggan yang berikut:
- “ (aaa) dia seorang warganegara atau suami atau isteri seorang warganegara atau seorang penduduk tetap;” dan

- (iii) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (b) dengan perkataan “; dan” dan memasukkan selepas perenggan itu perenggan yang berikut:

“(c) dia membuktikan sehingga Majlis berpuas hati bahawa dia layak dan mempunyai akhlak yang baik;” dan

- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Suatu permohonan bagi pendaftaran sementara sebagai pengamal perubatan hendaklah dibuat kepada Pendaftar dalam bentuk dan cara yang ditetapkan dan disertai dengan dokumen dan butir-butir dan pembayaran fi sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.”.

Pindaan seksyen 13

10. Seksyen 13 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1A) dengan subseksyen yang berikut:

“(1A) Bagi maksud subseksyen (2) hendaklah ditubuhkan suatu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Kelayakan Perubatan yang terdiri daripada ahli yang berikut:

- (a) Yang Dipertua sebagai Pengerusi;
- (b) empat orang ahli Majlis yang dinamakan daripada dan mewakili universiti tempatan dan kolej universiti yang diiktiraf dan dilantik oleh Pengerusi;
- (c) empat orang wakil daripada Kementerian Kesihatan; dan
- (d) empat orang ahli Majlis yang lain yang dinamakan daripada mereka yang tidak mewakili universiti tempatan dan kolej universiti yang diiktiraf dan dilantik oleh Pengerusi.”;

(b) dalam subseksyen (2)—

(i) dengan menggantikan perkataan “Lembaga” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Jawatankuasa”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “sebagai keterangan mengenai hal itu” dengan perkataan “yang ditentukan oleh Majlis dari semasa ke semasa”;

(c) dalam subseksyen (4), dengan memasukkan selepas perkataan “kehilangan upaya anggotanya” perkataan “atau apa-apa sebab lain yang ditentukan oleh Majlis”;

(d) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(4A) Walau apa pun perenggan 12(1)(aaa), Majlis boleh mempertimbangkan mana-mana orang yang bukan warganegara dan bukan suami atau isteri seorang warganegara yang sedang mengikuti pengajian di mana-mana institut latihan tempatan yang diiktiraf untuk didaftarkan sementara bagi maksud untuk mendapatkan pengalaman yang dinyatakan dalam subseksyen (2).”; dan

(e) dalam subseksyen (9), dengan menggantikan perkataan “perubatan, pembedahan atau obstetrik dan ginekologi” dengan perkataan “Perubatan”.

Pindaan seksyen 14

11. Seksyen 14 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan tersebut;

(ii) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) dia mengemukakan suatu perakuan yang dikeluarkan di bawah subseksyen 13(2); dan”;

(iii) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(c) dia membuktikan sehingga Majlis berpuas hati bahawa dia layak dan mempunyai akhlak yang baik.”;

(b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “hendaklah dibuat mengikut peruntukan Akta ini dan peraturan-peraturan di bawahnya” dengan perkataan “sebagai seorang pengamal perubatan hendaklah dibuat kepada Majlis dalam bentuk dan dengan cara yang ditetapkan dan disertai dengan apa-apa dokumen atau dan butir-butir dan pembayaran fi sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(2A) Walau apa pun subseksyen (1), mana-mana orang boleh berdaftar penuh di bawah seksyen ini tertakluk kepada apa-apa sekatan dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis jika—

(a) orang itu berhasrat untuk mengajar, melakukan penyelidikan atau mengikuti kursus lepasan ijazah dalam bidang kepakaran di bawah apa-apa program latihan yang diiktiraf di mana-mana institut latihan yang diiktiraf;

(b) orang itu memiliki kemahiran perubatan atau pembedahan yang difikirkan oleh Majlis sebagai bertaraf antarabangsa atau mempunyai nilai khusus kepada negara; atau

(c) orang itu memiliki kelulusan yang pada pendapat Majlis adalah mencukupi, selagi dia terus melibatkan dirinya secara khusus dalam pengajaran, penyelidikan atau pengajian lepasan ijazah, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2B) Pendaftaran yang diberikan di bawah subseksyen (2A) hendaklah untuk suatu tempoh yang tidak melebihi dua tahun dan boleh dibaharui mengikut budi bicara Majlis untuk beberapa tempoh lanjut, yang setiap satunya tidak melebihi satu tahun.

(2C) Majlis boleh, pada bila-bila masa, membatalkan mana-mana pendaftaran yang diberikan di bawah subseksyen (2A) jika orang itu didapati telah mencabuli apa-apa syarat pendaftarannya.”; dan

(d) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan “sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri” dengan perkataan “, termasuklah kelulusan, kedudukan, tempat dan jenis amalan”.

Seksyen baru 14A, 14B dan 14C

12. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 14 seksyen yang berikut:

“Pengamal perubatan berdaftar yang menjalankan amalan sebagai pakar

14A. (1) Tiada seorang pun yang namanya belum dimasukkan ke dalam Daftar boleh menjalankan amalan sebagai seorang pakar dalam bidang kepakaran itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) hendaklah tertakluk kepada bidang kuasa tatatertib Majlis.

Orang yang berhak untuk didaftarkan sebagai pakar

14B. Seseorang berhak untuk didaftarkan sebagai seorang pakar di bawah Akta ini jika—

- (a) dia telah berdaftar penuh di bawah seksyen 14;
- (b) dia telah menghadiri latihan kepakaran dalam bidang kepakaran itu di institut latihan yang diiktiraf;
- (c) dia memegang suatu kelayakan kepakaran yang diiktiraf; dan
- (d) dia membuktikan sehingga Majlis berpuas hati bahawa dia adalah layak dan mempunyai akhlak yang baik.

Pendaftaran sebagai pakar

14c. (1) Majlis hendaklah mempertimbangkan permohonan yang dibuat di bawah subseksyen 18(1) dan boleh menghendaki pemohon supaya mengemukakan maklumat atau dokumen lanjut untuk menyokong permohonan itu.

(2) Jika Majlis memutuskan untuk meluluskan permohonan itu, Majlis hendaklah mengarahkan Pendaftar supaya memasukkan nama pemohon ke dalam Daftar.

(3) Majlis boleh menolak untuk mendaftarkan mana-mana orang sebagaimana yang difikirkannya patut.

(4) Jika Majlis menolak untuk mendaftarkan pemohon di bawah subseksyen (3), Majlis hendaklah dengan segera menyampaikan suatu notis penolakan kepada pemohon itu, berserta dengan alasan baginya.”.

Pindaan seksyen 16

13. Seksyen 16 Akta itu dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Walau apa pun apa-apa yang berlawanan dalam Akta ini, Majlis boleh, atas permohonan bertulis, mengeluarkan kepada seseorang yang berdaftar sebagai pengamal perubatan di luar Malaysia suatu perakuan pengamalan sementara, tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis dalam perakuan itu.”;

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Majlis boleh menolak permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1).

(1B) Perakuan pengamalan sementara yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) adalah sah selama tempoh yang tidak melebihi tiga bulan dari tarikh perakuan itu dikeluarkan.

(1c) Suatu perakuan pengamalan sementara yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) boleh dibaharui atas permohonan yang dibuat dalam bentuk dan cara dan apabila dibayar fi yang ditentukan oleh Majlis.”;

- (c) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Orang yang kepadanya telah dikeluarkan perakuan pengamalan sementara di bawah subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai seorang pengamal perubatan berdaftar.”;

- (d) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Majlis boleh pada bila-bila masa membatalkan mana-mana perakuan pengamalan sementara yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) jika orang yang berdaftar itu didapati telah mencabuli apa-apa syarat atau sekatan pendaftarannya.”; dan

- (e) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(4) Majlis hendaklah menyenggara suatu rekod mengenai semua perakuan pengamalan sementara yang dikeluarkan.

(5) Mana-mana orang yang menjalankan amalan tanpa perakuan pengamalan sementara di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) berkenaannya dengan kesalahan pertama, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit; dan

- (b) berkenaannya dengan kesalahan kedua atau kesalahan yang berikutnya, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau keduanya.

(6) Dalam hal kesalahan yang berterusan, orang itu boleh dikenakan penalti selanjutnya sebanyak satu ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan sebagai tambahan kepada penalti di bawah masing-masing perenggan 5(a) dan (b).”.

Pindaan seksyen 18

14. Subseksyen 18(1) Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “sementara atau penuh”.

Pindaan seksyen 19

15. Seksyen 19 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

- (i) dengan memotong perkataan “sementara atau penuh”;
- (ii) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “selama tempoh dua tahun atau lebih”;
- (iii) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) selepas siasatan yang sewajarnya oleh Lembaga Disiplin, didapati bersalah kerana salah laku profesional; atau”; dan

- (iv) dengan menggantikan perenggan (c) dengan perenggan yang berikut:

“(c) selepas siasatan oleh Jawatankuasa Kelayakan Mengamal, yang hendaklah terdiri daripada tidak kurang daripada tiga orang pengamal perubatan yang dilantik oleh Majlis, didapati tidak berupaya untuk menjalankan tugas profesionalnya oleh sebab keadaan mental atau fizikal atau apa-apa keadaan perubatan yang lain,”.

Pindaan seksyen 20

16. Seksyen 20 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Mana-mana orang berdaftar penuh yang berhasrat untuk mengamal sebagai seorang pengamal perubatan selepas tiga puluh satu hari bulan Disember

dalam mana-mana tahun dan yang mengemukakan keterangan yang dia telah memenuhi apa-apa kehendak atau sekatan yang ditetapkan oleh Majlis hendaklah, tidak lewat daripada hari pertama bulan Disember tahun itu, membuat permohonan dalam bentuk yang ditetapkan, mengemukakan keterangan mengenai perlindungan tanggung rugi profesional dan membayar fi yang ditetapkan bagi perakuan untuk mengamal sebagai pengamal perubatan semasa tahun yang berikutnya.”;

(b) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan “(bernama “perakuan pengamalan tahunan”)” perkataan “dengan terma dan syarat yang ditentukan oleh Majlis”;

(c) dengan menggantikan subseksyen (5) dengan subseksyen yang berikut:

“(5) Apabila didaftarkan penuh di bawah seksyen 14, orang yang berhasrat untuk mengamal sebagai pengamal perubatan itu hendaklah mematuhi subseksyen (1).”;

(d) dalam subseksyen (6), dengan memasukkan selepas perkataan “pemohon,” perkataan “kecuali dalam hal seseorang pengamal perubatan berdaftar tanpa sesuatu tempat amalan tetap (*locum tenens*) yang hakikat itu hendaklah dinyatakan sedemikian dan diluluskan oleh Majlis,”; dan

(e) dalam subseksyen (7)—

(i) dengan menggantikan perkataan “perubatan, pembedahan atau obstetrik dan ginekologi” dengan perkataan “Perubatan”;

(ii) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “berkuat kuasa” dengan perkataan “semasa dan sah”; dan

(iii) dalam perenggan (d), dengan menggantikan perkataan “urusan seseorang pengamal perubatan” dengan perkataan “suatu amalan perubatan”.

Penggantian seksyen 21

17. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 21 dengan seksyen yang berikut:

“Senarai pengamal perubatan berdaftar penuh yang dikeluarkan kepadanya perakuan pengamalan tahunan

21. (1) Pendaftar hendaklah menyenggara suatu senarai atau senarai-senarai nama, alamat, kelulusan, tarikh kelulusan dan tarikh pendaftaran penuh semua orang yang dikeluarkan kepadanya perakuan pengamalan tahunan bagi tahun itu.

(2) Senarai itu hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai butir-butir yang terkandung dalamnya.

(3) Perakuan itu yang ditandatangani oleh Pendaftar mengenai butir-butir yang terdapat dalam Daftar berkenaan dengan mana-mana orang hendaklah menjadi keterangan muktamad mengenai butir-butir itu.”.

Pindaan seksyen 22

18. Seksyen 22 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

“Pertukaran alamat tetap dan penyampaian notis, dsb.”;

(b) dengan menomborkan semula seksyen 22 sebagai subseksyen 22(1); dan

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) hendaklah tertakluk kepada bidang kuasa tatatertib Majlis.

(3) Jika apa-apa notis atau surat menyurat hendak disampaikan atau dihantar kepada seseorang pengamal perubatan berdaftar, ia hendaklah disifatkan telah disampaikan atau dihantar kepadanya jika notis atau surat menyurat itu disampaikan atau dihantar melalui pos kepada alamat terakhirnya yang diketahui.”.

Pindaan seksyen 23

19. Seksyen 23 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “Jika Majlis” perkataan “telah membuat apa-apa perintah terhadap seseorang pengamal perubatan atau”.

Penggantian seksyen 24

20. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 24 dengan seksyen yang berikut:

“Penyingkiran nama daripada Daftar

24. (1) Jika Majlis berpuas hati bahawa seseorang yang didaftarkan sementara di bawah seksyen 12—

- (a) tidak atau tidak lagi menghadiri latihan *houseman*; atau
- (b) telah melanggar mana-mana syarat atau sekatan yang dikenakan ke atasnya,

Majlis boleh membatalkan pendaftaran sementara orang itu dan memerintahkan supaya namanya disingkirkan daripada Daftar.

(2) Majlis boleh menyingkirkan daripada Daftar nama mana-mana pengamal perubatan berdaftar penuh yang—

- (a) dibuktikan sehingga Majlis berpuas hati bahawa orang itu telah mati;
- (b) dibuktikan sehingga Majlis berpuas hati bahawa orang itu tidak berupaya, oleh sebab kelemahan fizikal atau mental, atau sangat tidak kompeten, untuk menjalankan kewajibannya sebagai seorang pengamal perubatan;
- (c) tidak memohon kepada Pendaftar bagi pembaharuan perakuan pengamalannya selama enam tahun berturut-turut;
- (d) telah didaftarkan atas kesilapan tentang kelulusannya untuk pendaftaran, dan pada masa pendaftarannya tidak berhak untuk didaftarkan;

- (e) telah didaftarkan dengan cara fraud;
- (f) telah melanggar atau mematuhi apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Majlis;
- (g) telah tamat tempoh atau kontraknya dengan Kerajaan Malaysia atau apa-apa badan atau organisasi bagi apa-apa tempoh yang ditetapkan dan diluluskan oleh Majlis; atau
- (h) pendaftarannya telah ditarik balik, digantung atau dibatalkan daripada Daftar pengamal perubatan yang disenggarakan di mana-mana tempat di luar Malaysia atau daripada mana-mana daftar profesional yang disenggarakan di mana-mana tempat di dalam atau luar Malaysia,

dan hendaklah membuat catatan yang sewajarnya bersetentangan dengan nama pengamal perubatan itu dalam Daftar.

(3) Pendaftar hendaklah menyiarkan dalam *Warta* nama setiap pengamal perubatan yang namanya telah dikeluarkan daripada Daftar.

(4) Bagi maksud memuaskan hatinya bahawa mana-mana pengamal perubatan berdaftar tidak berupaya untuk menjalankan kewajibannya sebagai seorang pengamal perubatan di bawah perenggan (2)(b), Majlis hendaklah melantik suatu Jawatankuasa Kelayakan Mengamal yang hendaklah terdiri daripada tidak kurang daripada tiga orang pengamal perubatan berdaftar, yang salah seorang daripada mereka hendaklah seorang pakar yang berkaitan dengan penyakit itu, untuk menyiasat setiap kes dan untuk membuat apa-apa syor sebagaimana yang difikirkan wajar oleh Jawatankuasa itu.

(5) Walau apa pun subseksyen (4), Jawatankuasa Kelayakan Mengamal boleh membuat syor kepada Majlis supaya sekatan dikenakan dalam penjalanan tugas oleh pengamal perubatan berdaftar itu.”.

Seksyen baharu 24A

21. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 24 seksyen yang berikut:

“Memasukkan semula nama ke dalam Daftar

24A. (1) Jika nama seseorang pengamal perubatan telah disingkirkan daripada Daftar menurut seksyen 24, dia boleh memohon kepada Majlis supaya namanya dimasukkan semula ke dalam Daftar.

(2) Majlis boleh, menurut budi bicaranya, atas permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1), memerintahkan supaya nama pemohon itu dimasukkan semula ke dalam Daftar atau menolak kemasukan semula nama itu dengan memberikan alasan baginya.

(3) Mana-mana orang yang telah terhenti daripada didaftarkan di bawah Akta ini di bawah perenggan 24(2)(b) tidak boleh dimasukkan semula namanya melainkan jika dia telah diakui layak oleh Jawatankuasa Kelayakan Mengamal.

(4) Majlis boleh mengenakan apa-apa syarat dan sekatan sebagaimana yang difikirkannya patut untuk kemasukan semula nama itu.

(5) Mana-mana orang yang permohonannya ditolak di bawah subseksyen (2) boleh merayu kepada Menteri dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh keputusan itu.

(6) Keputusan Menteri adalah muktamad.”.

Pindaan seksyen 26

22. Seksyen 26 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memotong perkataan “**dan halangan terhadap orang yang tidak berdaftar**”;
- (b) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “perubatan, pembedahan dan obstetrik dan ginekologi” dengan perkataan “Perubatan”; dan

- (c) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Tertakluk kepada seksyen 15, 16 dan 34, tiada seorang pun berhak untuk menuntut dalam mana-mana mahkamah apa-apa caj yang disebut dalam subseksyen (1) melainkan jika pada tarikh caj itu terakru dia seorang pengamal perubatan berdaftar dan mempunyai perakuan pengamalan tahunan yang berkuat kuasa.”.

Pindaan seksyen 27

23. Nota bahu kepada seksyen 27 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “**Perakuan perubatan**” dengan perkataan “**Perakuan dan dokumen**”.

Pindaan seksyen 29

24. Seksyen 29 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (2)—

- (i) dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:

“(aa) kelulusannya telah ditarik balik atau dibatalkan oleh pihak berkuasa penganugerah yang melaluinya kelulusan itu diperolehi atau yang daripadanya kelulusan itu dianugerah;” dan

- (ii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “telah bersalah kerana berkelakuan buruk dari apa-apa jua segi profesion” dengan perkataan “dikatakan telah melakukan salah laku profesional yang teruk sebagaimana yang ditetapkan dalam Tatakelakuan Profesional dan mana-mana garis panduan dan arahan lain yang dikeluarkan oleh Majlis”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Majlis hendaklah menubuhkan suatu cara termasuk menubuhkan Panel Disiplin, untuk menyiasat aduan atau maklumat yang diterima terhadap seseorang pengamal perubatan.

“(4) Bagi maksud seksyen ini, Panel Tatatertib bermaksud suatu panel, yang ahlinya hendaklah dilantik oleh Majlis dan yang daripadanya ahli Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan dan Lembaga Tatatertib hendaklah diambil.”.

Seksyen baru 29A

25. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 29 seksyen yang berikut:

“Perintah sementara

29A. (1) Jika selepas siasatan yang sewajarnya mengenai apa-apa aduan atau maklumat yang dirujukkan kepadanya, Lembaga Tatatertib berpuas hati bahawa adalah perlu bagi perlindungan orang awam atau selainnya demi kepentingan awam, atau demi kepentingan seseorang pengamal perubatan berdaftar, pendaftarannya hendaklah digantung atau dijadikan tertakluk kepada syarat-syarat, Lembaga itu boleh membuat perintah—

- (a) supaya pendaftarannya dalam daftar yang berkenaan digantung bagi apa-apa tempoh yang tidak melebihi dua belas bulan sebagaimana yang ditetapkan dalam perintah itu (disebut dalam Bahagian ini sebagai perintah penggantungan sementara); atau
- (b) supaya pendaftarannya diteruskan atas kepatuhannya, semasa apa-apa tempoh yang tidak melebihi dua belas bulan sebagaimana yang ditetapkan dalam perintah itu, terhadap apa-apa kehendak yang difikirkan oleh Lembaga Tatatertib patut dikenakan (disebut dalam Bahagian ini sebagai perintah bagi sekatan pendaftaran sementara).

(2) Pendaftar hendaklah dengan serta-merta menyampaikan suatu pemberitahuan mengenai perintah di bawah subseksyen (1) kepada pengamal perubatan berdaftar itu.

(3) Tertakluk kepada subseksyen (1), jika Lembaga Tatatertib telah membuat perintah di bawah seksyen ini, Lembaga Tatatertib itu atau Lembaga Tatatertib yang lain yang dilantik untuk menggantikan tempatnya—

- (a) hendaklah menyemak semula perintah itu dalam tempoh enam bulan bermula dari tarikh perintah itu

dibuat, dan hendaklah selepas itu, selagi perintah itu terus berkuat kuasa, mengkaji semula perintah itu selanjutnya sebelum berakhirnya tempoh tiga bulan bermula pada tarikh keputusan kajian semula yang sebelumnya; dan

- (b) boleh mengkaji semula perintah itu apabila keterangan baru yang berkaitan dengan perintah itu telah diperoleh selepas perintah itu dibuat.

(4) Jika suatu perintah penggantungan sementara atau suatu perintah sekatan pendaftaran sementara telah dibuat di bawah seksyen ini berhubung dengan mana-mana orang, Lembaga Tatatertib yang membuat perintah itu atau Lembaga Tatatertib yang dilantik untuk menggantikan tempatnya di bawah subseksyen (3) boleh—

- (a) membatalkan perintah itu atau membatalkan apa-apa syarat yang dikenakan oleh perintah itu;
- (b) membuat perintah mengubah apa-apa syarat yang dikenakan oleh perintah itu;
- (c) jika berpuas hati bahawa adalah perlu dilakukan bagi perlindungan orang awam atau selainnya demi kepentingan awam, atau demi kepentingan pengamal perubatan berdaftar yang berkenaan, atau bahawa pengamal perubatan berdaftar itu tidak mematuhi apa-apa kehendak yang dikenakan sebagai syarat bagi pendaftaran dalam perintah sekatan pendaftaran sementara, menggantikan perintah itu dengan perintah penggantungan sementara yang berkuat kuasa bagi baki tempoh perintah sekatan pendaftaran sementara itu; atau
- (d) jika berpuas hati bahawa kepentingan awam atau kepentingan pengamal perubatan berdaftar yang berkenaan memadai dipenuhi dengan perintah sekatan pendaftaran sementara, menggantikan penggantungan sementara itu dengan perintah sekatan pendaftaran sementara bagi baki tempoh perintah yang dahulu.

(5) Pendaftar hendaklah dengan serta-merta menyampaikan suatu pemberitahuan mengenai keputusan di bawah subseksyen (4) kepada pengamal perubatan berdaftar itu.

(6) Lembaga Tatatertib boleh memohon kepada Yang Dipertua supaya perintah di bawah subseksyen (1) dilanjutkan, dan boleh memohon pelanjutan seterusnya.

(7) Atas permohonan itu, Yang Dipertua boleh melanjutkan (atau melanjutkan seterusnya) tempoh perintah itu berkuat kuasa sehingga enam bulan.

(8) Suatu perintah penggantungan sementara atau suatu perintah sekatan pendaftaran sementara hendaklah berkuat kuasa sehingga—

(a) berakhirnya tempoh yang ditetapkan dalam perintah itu atau, jika dilanjutkan di bawah subseksyen (7), dalam perintah pelanjutannya; atau

(b) tarikh tamatnya prosiding,

yang mana-mana lebih awal.

(9) Semasa pendaftaran seseorang dalam Daftar digantung oleh sebab suatu perintah penggantungan sementara, dia tidak boleh disifatkan sebagai berdaftar walaupun namanya masih terdapat dalam Daftar.

(10) Sebaik tamat tempoh atau pembatalan perintah itu, hak dan keistimewaan orang itu sebagai pengamal perubatan berdaftar hendaklah dikembalikan semula dari tarikh tamat tempoh atau pembatalan itu, dengan syarat dia telah mematuhi semua terma perintah itu.

(11) Mana-mana pengamal perubatan berdaftar yang terkilan dengan keputusan Lembaga Tatatertib atau Yang Dipertua di bawah seksyen ini boleh merayu secara bertulis kepada Menteri.

(12) Menteri boleh mengesahkan, mengakas atau mengubah keputusan Lembaga Tatatertib atau Yang Dipertua.

(13) Keputusan Menteri atas apa-apa rayuan di bawah subseksyen (11) adalah muktamad dan mengikat.”.

Penggantian seksyen 30

26. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 30 dengan seksyen yang berikut:

“30. (1) Majlis boleh, dalam menjalankan bidang kuasa tatatertibnya, mengenakan mana-mana daripada hukuman yang berikut:

- (a) mencela pengamal perubatan itu;
- (b) memerintahkan supaya pendaftaran pengamal perubatan itu tertakluk kepada syarat yang boleh termasuk, tetapi tidak terhad kepada, satu atau lebih daripada yang berikut:
 - (i) supaya pengamal perubatan itu mendapatkan rawatan perubatan;
 - (ii) supaya apa-apa syarat yang berhubungan dengan amalan perubatan pengamal perubatan itu sebagaimana yang difikirkannya sesuai dikenakan ke atas pendaftaran pengamal perubatan itu;
 - (iii) supaya pengamal perubatan itu menjalani kursus atau program pendidikan sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis; atau
 - (iv) supaya pengamal perubatan itu melaporkan mengenai amalan perubatannya kepada mana-mana pengamal perubatan atau orang sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis;
- (c) memerintahkan supaya nama pengamal perubatan itu digantung daripada Daftar bagi apa-apa tempoh yang difikirkannya patut;
- (d) membuat apa-apa perintah dalam perenggan (c) tetapi menangguhkan pelaksanaan perintah itu, tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Majlis, bagi suatu tempoh, atau tempoh-tempoh yang agregatnya, tidak melebihi dua tahun; atau
- (e) memerintahkan supaya nama mana-mana pengamal perubatan itu dipotong daripada Daftar.

(2) Majlis juga boleh mengenakan denda sebagaimana yang diputuskan oleh Majlis sebagai tambahan kepada hukuman di bawah subseksyen (1).

(3) Tiada seorang pengamal perubatan pun yang boleh mengamal sebagai pengamal perubatan semasa tempoh penggantungan di bawah perenggan (1)(c).

(4) Mana-mana orang yang tidak mematuhi apa-apa perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) akan tertakluk kepada prosiding tatatertib selanjutnya.

(5) Majlis boleh, dalam mana-mana hal, membuat apa-apa perintah yang difikirkannya patut berkaitan dengan pembayaran kos kepada Pendaftar dan mana-mana pengadu atau seseorang pengamal perubatan, dan apa-apa kos yang diawardkan boleh dituntut sebagai hutang sivil.”.

Pindaan seksyen 31

27. Seksyen 31 Akta ibu dipinda dengan memotong subseksyen (2).

Pindaan seksyen 31A

28. Subseksyen 31A (1) Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “perenggan 30(i)” dengan perkataan “perenggan 30(1)(e)”;
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “dimasukkan semula ke dalam Daftar” perkataan “dengan syarat bahawa suatu tempoh selama tiga tahun telah luput sejak perintah tersebut dibuat”; dan
- (c) dengan menggantikan perkataan “subperenggan 30(ii)” dengan perkataan “perenggan 30(1)(c)”.

Pindaan seksyen 32

29. Seksyen 32 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “kesalahan terhadap Akta itu” perkataan “dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan dengan kesalahan pertama didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama

tempoh tidak melebihi dua tahun dan berkenaannya dengan kesalahan kedua atau yang berikutnya didenda tidak melebihi seratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya”.

Pindaan seksyen 33

30. Seksyen 33 Akta ini dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “kesalahan terhadap Akta ini”, perkataan “dan boleh, apabila disabitkan, berkenaannya dengan kesalahan pertama didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun dan berkenaannya dengan kesalahan kedua atau yang berikutnya didenda tidak melebihi seratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya”; dan
- (b) dalam perenggan (2)(b), dengan memotong perkataan “khusus”.

Pindaan seksyen 34

31. Seksyen 34 Akta ini dipinda—

- (a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

“Perubatan Tradisional dan Komplementari”;

dan

- (b) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, tiada apa-apa dalam Akta ini boleh disifatkan sebagai menyentuh hak mana-mana orang di bawah mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia atau mana-mana bahagiannya, yang bukan seseorang yang memakai atau menggunakan apa-apa nama, gelaran, tambahan atau perihalan yang dimaksudkan untuk mendorong mana-mana orang untuk mempercayai bahawa dia berkelulusan untuk menjalankan amalan perubatan atau pembedahan mengikut kaedah-kaedah sains yang moden, untuk mengamalkan perubatan tradisional atau komplementari.”.

Pindaan seksyen 34A

32. Seksyen 34A Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Mana-mana kemudahan dan perkhidmatan kesihatan yang disenggarakan dan dikendalikan oleh Kerajaan dan diluluskan oleh Menteri di bawah subseksyen (1) tidak boleh bertanggung bagi apa-apa kecederaan, kehilangan atau kerosakan am semulajadi terhadap mana-mana pesakit atau orang lain semata-mata akibat daripada apa-apa penyiasatan, pemeriksaan atau rawatan pesakit di bawah subseksyen (1) oleh seseorang yang sedang menjalani kursus pembelajaran dalam perubatan atau pembedahan yang ditetapkan di bawah subseksyen (1); dengan syarat tiada apa-apa dalam subseksyen ini boleh dianggap sebagai memberi orang atau Universiti atau Kolej Universiti atau institusi pembelajaran yang diluluskan itu di mana dia sedang menjalani kursus pembelajaran peringkat siswazah atau mana-mana pegawai atau pekerja Universiti atau Kolej Universiti atau institusi pembelajaran yang diluluskan itu apa-apa kekebalan daripada apa-apa liabiliti bagi kecederaan, kehilangan atau kerosakan itu.”.

Pindaan seksyen 34B

33. Seksyen 34B Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “pengamal berdaftar penuh” dengan perkataan “pengamal perubatan”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “hospital, klinik atau pusat kesihatan Kerajaan atau dalam mana-mana institusi Kerajaan seumpamanya yang lain” dengan perkataan “kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan Kerajaan”.

Pindaan seksyen 34C

34. Subseksyen 34C(1) Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1)—
 - (i) dengan memotong perkataan “penuh”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “hospital, klinik atau pusat kesihatan atau di dalam mana-mana institusi seumpama yang lain” dengan perkataan “kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan”;

- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Ketua Pengarah Kesihatan boleh mewakili kuasanya di bawah subseksyen (1) kepada mana-mana Pengarah Kesihatan Negeri atau pegawai yang setaraf.”; dan

- (c) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Seseorang pengamal perubatan yang diberi kuasa di bawah subseksyen (1) atau (1A) untuk melaksanakan apa-apa fungsi yang disebut dalam perenggan (1)(a) dan (b) hendaklah disifatkan sebagai seorang Pegawai Perubatan Kerajaan bagi maksud Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] dan mana-mana undang-undang berkaitan yang lain di Malaysia.”.

Pindaan seksyen 35

35. Seksyen 35 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1)—

- (i) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “dua ribu ringgit” dengan perkataan “sepuluh ribu ringgit”; dan
- (ii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “lima ribu ringgit” dan “dua tahun” masing-masing dengan perkataan “dua puluh ribu ringgit” dan “enam tahun”; dan

- (b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “lima puluh ringgit” dengan perkataan “satu ratus ringgit”.

Seksyen baru 35A

36. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 35 seksyen yang berikut:

“Majlis boleh meminta maklumat

35A. (1) Majlis boleh, dari semasa ke semasa, meminta apa-apa maklumat dikehendaki olehnya supaya diberikan oleh

mana-mana orang yang namanya berada dalam Daftar dan orang itu hendaklah memberikan maklumat itu dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh dia dikehendaki untuk berbuat demikian.

(2) Tiap-tiap orang yang namanya berada dalam Daftar hendaklah, dalam tempoh tiga puluh hari dari apa-apa perubahan dalam maklumat yang telah diberikannya kepada Majlis, memberitahu Majlis mengenai perubahan itu.

(3) Seseorang pengamal perubatan berdaftar yang tidak mematuhi subseksyen (1) berkenaannya dengan dirinya melakukan suatu kesalahan.”.

Pindaan seksyen 36

37. Subseksyen 36(2) Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perenggan (l) dengan perenggan yang berikut:

“(l) tatacara bagi pelantikan jawatankuasa atau lembaga Majlis;”;

(b) dengan menggantikan perenggan (m) dengan perenggan yang berikut:

“(m) tatacara mesyuarat, siasatan dan prosiding lain Majlis, Lembaga atau Jawatankuasa;”;

(c) dengan menggantikan perenggan (n) dengan perenggan yang berikut:

“(n) tatacara yang hendaklah diikuti berhubung dengan Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan dan Lembaga Tatatertib di bawah Akta ini;”;

(d) dalam perenggan (o), dengan menggantikan perkataan “sistem terapeutik mengikut kaedah Melayu, Cina, India atau kaedah asli lain” dengan perkataan “Perubatan Tradisional dan Komplementari”; dan

(e) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (p) dengan koma bertitik dan memasukkan selepas perenggan itu perenggan yang berikut:

- “(q) syarat atau sekatan yang hendaklah dikenakan ke atas perakuan pendaftaran sementara, perakuan pendaftaran penuh, perakuan pendaftaran penuh bagi pengamal perubatan berdaftar yang terlatih dalam bidang kepakaran, perakuan pengamalan sementara dan perakuan pengamalan tahunan;
- (r) penyimpanan Daftar, rekod, laporan dan dokumen dan borang dan isi kandungannya;
- (s) bentuk perakuan pendaftaran sementara, perakuan pendaftaran, perakuan pengamalan sementara dan pembaharuan perakuan pengamalan;
- (t) bentuk dan cara bagi menjalankan peperiksaan bagi maksud kemasukan ke dalam Daftar;
- (u) bentuk dan cara bagi mengiktiraf institusi latihan dan kelulusan yang dianugerahkan oleh institusi latihan yang diiktiraf;
- (v) latihan *houseman*, syarat yang di bawahnya latihan amali pelatih atau pelajar hendaklah dijalankan dan apa-apa perkara lain yang berhubungan dengan latihan dan kelulusan pengamal perubatan;
- (w) bentuk dan cara meluluskan pengamal perubatan yang terlatih dalam bidang kepakaran;
- (x) tatacara bagi penubuhan Panel Tatatertib yang daripadanya ahli Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan dan Lembaga Tatatertib hendaklah diambil;
- (y) penerimaan aduan atau maklumat yang menyentuh apa-apa perkara tatatertib yang boleh disiasat oleh Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan untuk menentukan sama ada suatu siasatan akan dijalankan atau tidak;
- (z) tatacara bagi siasatan oleh Lembaga Tatatertib;
- (aa) pembentukan Jawatankuasa Kelayakan Mengamal bagi aduan atau maklumat berkaitan dengan pengamal perubatan berdaftar yang tidak kompeten dari segi profesional atau terjejas kerana ketidakmampuan fizikal atau mental;

- (bb) pembentukan Jawatankuasa Penilaian bagi maksud penilaian dan pendaftaran pengamal perubatan;
- (cc) pembentukan Jawatankuasa Etika untuk menasihati Majlis tentang isu yang berhubungan dengan etika;
- (dd) apa-apa jawatankuasa lain bagi maksud Akta ini; dan
- (ee) apa-apa perkara lain bagi melaksanakan matlamat dan maksud Akta ini.”.

Pindaan seksyen 40

38. Seksyen 40 Akta ibu dipinda dalam perenggan (4)(b) dengan menggantikan perkataan “tiga tahun” dengan perkataan “dua tahun”.

Pindaan seksyen 41

39. Seksyen 41 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “tiga tahun” dengan perkataan “dua tahun”.

Pindaan seksyen 42

40. Subseksyen 42(1) Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*”.

Pindaan Jadual Pertama

41. Jadual Pertama kepada Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan 1, dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

“Yang Dipertua Majlis dan tatacara mesyuarat”;

(b) dengan memasukkan selepas subperenggan 1(2) subperenggan yang berikut:

“(3) Kuorum bagi sesuatu mesyuarat Majlis adalah dua belas orang, dan keputusan Majlis hendaklah melalui majoriti mudah ahli yang hadir dan yang mengundi.

(4) Tiap-tiap ahli Majlis yang hadir berhak kepada satu undi.

(5) Pengerusi mana-mana mesyuarat hendaklah mempunyai satu undi biasa dan jika atas apa-apa persoalan terdapat undi yang sama banyak, Pengerusi mempunyai undi pemutus.

(6) Majlis boleh menjemput mana-mana orang untuk menghadiri mesyuarat atau pertimbangtelitian Majlis bagi maksud menasihati Majlis atas apa-apa perkara yang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat atau pertimbangtelitian itu.

(7) Seseorang yang dijemput di bawah perenggan (6) boleh dibayar apa-apa elaun yang ditentukan oleh Majlis.

(8) Tiap-tiap mesyuarat Majlis yang berkenaan dengan prosiding yang minit mesyuarat telah dibuat sedemikian hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan sewajarnya dan semua ahli yang hadir dalam mesyuarat itu layak bertindak sewajarnya.

(9) Minit mesyuarat Majlis hendaklah, jika ditandatangani sewajarnya, boleh diterima sebagai keterangan dalam semua prosiding undang-undang tanpa bukti lanjut.

(10) Tertakluk kepada Akta ini, Majlis boleh membuat perintah tetap untuk mengawal selia tatacaranya sendiri secara amnya, dan khususnya, berhubung dengan pengadaaan mesyuarat, notis yang hendak diberikan mengenai mesyuarat itu, prosiding mesyuarat, penyimpanan minit dan penjagaan, pengemukaan dan pemeriksaan minit itu.”;

- (c) dengan menggantikan subperenggan 2(1) dengan subperenggan yang berikut:

“(1) Majlis hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya enam kali setahun; dan suatu mesyuarat hendaklah diadakan dalam bulan Mac setiap tahun untuk menerima dan menerima pakai penyata kira-kira tahunan yang telah diaudit.”;

- (d) dengan memasukkan selepas subperenggan 2(1) subperenggan yang berikut:

“(1A) Mesyuarat Majlis hendaklah diadakan melalui notis bertulis oleh Yang Dipertua kepada ahli yang lain dan mesyuarat itu hendaklah diadakan pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam notis itu.”;

- (e) dalam subperenggan 2(2), dengan menggantikan perkataan “tujuh” dengan perkataan “sepuluh” dan dengan memasukkan selepas perkataan “mesyuarat Majlis” perkataan “bagi maksud yang dinyatakan”;

- (f) dengan memasukkan selepas subperenggan 2(2) subperenggan yang berikut:

“(2A) Sekurang-kurangnya empat belas hari notis secara bertulis mengenai mesyuarat yang disebut dalam subseksyen (1) dan (2) hendaklah diberikan kepada ahli.”;

- (g) dengan memotong subperenggan 2(3);

- (h) dengan memotong subperenggan 2(5);

- (i) dengan menggantikan subperenggan 2(6) dengan subperenggan yang berikut:

“(6) Hendaklah dibayar kepada semua ahli Majlis apa-apa fi bagi menghadiri mesyuarat Majlis atau mana-mana jawatankuasa yang dilantik oleh Majlis dan apa-apa belanja perjalanan dan elaun sara diri yang munasabah bagi kehadiran dan perjalanan yang dibuat dalam menunaikan tugas di bawah Akta ini atau apa-apa belanja lain yang ditentukan oleh Majlis dengan kelulusan Menteri dari semasa ke semasa.”;

- (j) dengan memotong subperenggan 2(7); dan
- (k) dengan memotong perenggan 3, 4 dan 5.

Kecualian dan peruntukan peralihan

42. (1) Walau apa pun yang bertentangan, ahli Majlis dan ahli mana-mana jawatankuasa yang dilantik atau dipilih sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah terus memegang jawatan sehingga pelantikannya dibatalkan atau sehingga tempoh pelantikannya tamat.

(2) Semua permohonan, kelulusan atau keputusan, yang pada peringkat rayuan atau selainnya, yang belum selesai di hadapan Majlis di bawah Akta ibu hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, diuruskan oleh Majlis menurut peruntukan yang terpakai di bawah Akta ini.

(3) Semua surat cara, perakuan atau dokumen yang diserahkan dengan Majlis di bawah Akta ibu sebelum tarikh kuat kuasa Akta ini hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, disifatkan telah diserahkan simpan dengan Majlis.

(4) Mana-mana prosiding, sama ada sivil atau jenayah, yang belum selesai pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini di hadapan Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan atau Majlis yang ditubuhkan di bawah Akta ibu hendaklah, selepas tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, diteruskan seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

(5) Apa-apa kesalahan tatatertib yang dilakukan atau dikatakan telah dilakukan oleh seorang pengamal perubatan sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, selepas tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, diuruskan menurut Akta ibu seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

(6) Mana-mana orang yang, pada atau sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini—

- (a) telah didaftarkan sebagai seorang pakar dalam suatu daftar pakar; atau
- (b) telah dilantik sebagai seorang pakar oleh Ketua Pengarah,

hendaklah disifatkan telah didaftarkan sebagai seorang pakar di bawah Akta ini.